

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6 APRIL 2015

JJ bantu erat hubungan AS, Malaysia

BH - 6/4/2015

» Kesungguhan Allahyarham promosi negara wajar dicontohi

► Kuala Lumpur

Hubungan diplomatik antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) meningkat ke tahap lebih tinggi sejak kebelakangan ini, dan perkembangan positif itu boleh dikaitkan dengan usaha dilakukan Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis.

Siapa yang boleh lupakan ketika Allahyarham secara rasmi memperkenalkan dirinya kepada Presiden Barack Obama apabila dengan bangganya memakai sepasang baju Melayu yang lengkap pada majlis penyerahan watak pelantikan sebagai Duta Besar Malaysia di Amerika Syarikat


pada 4 November 2009 di Oval Office, pada permulaan pengal perkhidmatan beliau sebagai Duta Malaysia.

Sejak itu, Jamaluddin bekerja tanpa mengenal erti penat dalam usaha mempromosikan kepentingan Malaysia dalam koridor kuasa di Washington DC dan melewati sempadannya.

Berkebolehan tinggi

Sebaik tersebarunya berita Allahyarham Jamaluddin terabit dalam nahas helikopter di Semenyih, Selangor, kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberi penghormatan kepada kenalan lama beliau dan berkata, Allahyarham Jamaluddin individu yang berkebolehan tinggi, banyak berjasa untuk kerajaan, parti dan negara.

Selepas meninjau tapak na-



Najib dan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menunaikan solat jenazah untuk Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Allahyarham Datuk Azlin Alias, di Surau Saujana Impian, Kajang.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]



has, Najib, yang dilihat cuba menahan sebak pada sidang media itu, berkata: "Tan Sri Jamaluddin memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan Malaysia dan AS".

Sesiapa yang pernah bertemu Jamaluddin atau lebih dikenali sebagai JJ - pasti tahu apa yang beliau boleh lakukan di belakang tabir.

Bergambar dengan Obama

Seorang koresponden BERNAMA mengimbas kembali bagaimana beliau pernah menyatakan secara bersahaja kepada Allahyarham mengenai kemungkinan Najib bergambar bersama-sama Presiden Amerika yang dirakamkan di luar persidangan serantau.

"Yang mengejutkan saya, beliau mampu melakukannya - bukan mudah untuk melaksanakannya dalam keadaan biasa - beberapa hari kemudian, gambar Perdana Menteri kita bersama-sama Presiden AS terpampang dalam kebanyakan akhbar utama," katanya.

Menurut beliau, Najib sendiri sama sekali tidak menyangka namun gembira, apabila Obama menjemput beliau untuk sesi foto berdua itu, ketika mesyuarat berhenti rehat.

Bagi pemerhati, sesi foto itu penting memandangkan Najib satu-satunya pemimpin pada mesyuarat berkenaan yang mendapat keistimewaan itu.

Ini, kata wartawan itu, adalah bukti pengaruh dan kesungguhan Allahyarham untuk merealisasikan agenda hubungan Kuala Lumpur-Washington. **BERNAMA**



Najib menyiram air di pusara Allahyarham Jamaluddin selepas majlis pengebumian di luar Makam Pahlawan Masjid Negara, semalam.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]